


# Elakkan kluster raya



DR HALIZA ABDUL RAHMAN

**A**had ini, umat Islam akan menyambut Aidilfitri setelah selesai menunaikan ibadah puasa Ramadan selama sebulan. Sambutan Aidilfitri tahun ini merupakan satu sejarah buat umat Islam di negara ini lantaran ia akan disambut semasa berlangsungnya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat pandemik Covid-19.

Melaksanakan raya normal baharu 2020, masyarakat perlu menerima hakikat Aidilfitri bakal disambut ketika negara berdepan wabak Covid-19 serta sangat berbeza berbanding tahun sebelumnya.

Raya kali ini mungkin agak hiba kerana tidak dapat mencium tangan ayah bonda pada pagi raya, apatah lagi merasa juadah istimewa yang disediakan pada pagi raya memandangkan perjalanan rentas negeri tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut.

Keputusan kerajaan tidak membenarkan orang ramai pulang beraya itu wajar diambil dari sudut positif kerana Malaysia kini berada di landasan terbaik bagi memutuskan rantaian pandemik Covid-19.

Percubaan merentas negeri untuk tujuan menyambut Aidilfitri bukan sahaja boleh menyebabkan individu dikenakan tindakan malahan mungkin mengundang padah dan menyumbang risiko kepada keluarga masing-masing dengan menyebarkan semula wabak Covid-19.

Larangan rentas negeri bukan saja-saja hendak dilaksanakan, tetapi tujuannya adalah untuk mengelakkan penularan wabak Covid-19.

Tindakan kerajaan ini berasas kerana berlandaskan kes sebelum ini ia itu terdapat sebanyak 971 kes positif Covid-19 atau 14.1 peratus daripada jumlah keseluruhan 6,894 kes mempunyai sejarah merentas negeri.

Perjalanan rentas negeri juga telah mewujudkan sebanyak 18 kluster daripada jumlah keseluruhan 49 kluster yang pernah dicatatkan di Malaysia.

Bagi yang bakal beraya di daerah sama, nasib mereka mungkin agak beruntung kerana dapat berjumpa sesama ahli keluarga bagi mengeratkan silaturahmi.

Namun mereka juga perlu mengikut normal baharu perayaan seperti diputuskan oleh pihak berwajib. Antaranya, perjumpaan besar-besaran tidak dibenarkan. Jumlah maksimum yang dibenarkan ketika perjumpaan sewaktu ziarah hanya terhad kepada 20 orang pada satu masa bergantung kepada keluasan rumah yang dikunjungi serta wajar mematuhi segala SOP ditetapkan.

Semua SOP ini sememangnya berasas walaupun nampak remeh, maka patuhilah. Sebenarnya inilah perkara penting yang mesti lakukan untuk bersama-sama membendung penularan wabak Covid-19 di negara kita.

Jangan hanya disebabkan kecuaiannya kita ia boleh menyebabkan jangkitan merebak kepada semua ahli keluarga serta saudara mara sehingga berpotensi mewujudkan 'kluster raya'.

Apa yang paling membimbangkan ialah golongan kanak-kanak akan turut terdedah dan berisiko tinggi jika langkah pencegahan yang disarankan gagal dipatuhi.

Sehingga 16 Mei, sejumlah 317 kanak-kanak termasuk 22 bayi telah dijangkiti Covid-19, satu angka yang seharusnya dipandang serius!

Justeru, ibu bapa perlu sentiasa bersiap siaga memainkan peranan mereka bagi memastikan keselamatan anak masing-masing terpelihara pada musim perayaan nanti.

Hakikatnya, tanpa pulang beraya ke kampung, sambutan hari raya tetap meriah dengan kaedah yang berbeza dari segi penganjuran, pelaksanaan ataupun penghayatan.

Antaranya menggunakan persidangan video seperti 'Zoom' untuk beraya bersama keluarga tercinta dengan bertanya khabar dan berkongsi kegembiraan menyambut Syawal.

Elakkan Hari Raya Aidilfitri menjadi satu kluster baharu. Hargailah juga pengorbanan barisan hadapan negara yang bersengkang mata dan tenaga bagi mengekang pandemik Covid-19.

\* Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia